

MAHATHIR

1979

KUALA LUMPUR, 6 JAN (BERNAMA)--TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR, HARI INI MENEGUR KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) KERANA MENGECEM LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA) DALAM USAHANYA MENGGALAKKAN PERDAGANGAN. MIDA DIKATAKAN TELAH MENYATAKAN BAHAWA BURUH DI MALAYSIA ADALAH MURAH DAN SOAL PEMBUANGAN KERJA DAN KENAIKAN PANGKAT DALAM SESEBUAH SYARIKAT ADALAH DALAM BIDANG KUASA PIHAK PENGURUSAN.

KECAMAN MTUC TELAH DIBUAT DI PERHIMPUNAN AGONGNYA BARU-BARU INI.

BERCAKAP DI LAPANGAN TERBANG KUALA LUMPUR SEKEMBALINYA DARI CUTI 20-HARI DI EROPAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TENAGA BURUH TIDAKLAH MURAH KALAU MENGIKUT KONTEKS MALAYSIA.

+DARI SEGI KUASA MEMBELI, GAJI DI MALAYSIA ADALAH HAMPIR SAMA DENGAN YANG DIBAYAR DI NEGARA-NEGARA MAJU, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, MTUC ADALAH BERSIKAP +MEMENTINGKAN DIRI+ KERANA HANYA MENGAMBIL BERAT AHLI-AHLINYA. --BERSAMBUNG 2057/AH

EE

B580

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+TETAPI DALAM USAHA KITA MENGGALAKKAN PERDAGANGAN DI SEBERANG LAUT, KITA MEMIKIRKAN MASA DEPAN AHLI-AHLI MTUC YANG TERDAPAT DALAM KUMPULAN TUJUH PERATUS PENGANGGUR DALAM TENAGA BURUH MALAYSIA.

+SEBALIKNYA, APA YANG TELAH DIBUAT OLEH MTUC BAGI MENGGALAK PERDAGANGAN DAN MENGADAKAN PEKERJA BAGI GOLONGAN PENGANGGUR ITU JIKA DIBANDINGKAN DENGAN USAHA FIDA.

BELIAU BERKATA, EPAL DI JEPUN BERHARGA \$8 DAN BERTANYA SAMA ADA MTUC MAHUKAN AHLI-AHLINYA MEMBAYAR HARGA ITU BAGI SEBIJI EPAL DI MALAYSIA, SETELAH MENDAPAT GAJI TINGGI.

MENGENAI CONCORDE, DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA MALAYSIA MEMBUAT KEPUTUSAN MEMBENARKAN PENERBANGAN PERCUBAAN PESAWAT ITU SELAMA ENAM BULAN DENGAN TUJUAN MENGAJUI SAMA ADA PENERBANGAN ITU MENDATANGKAN KESAN BURUK TERHADAP ALAM SEKITAR.

--BERNAMA 2120/AH